



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001  
Faks : 03-88892187  
E-mel : ismail@jpa.gov.my  
Web : http://www.jpa.gov.my



Ruj. Kami : JPA(S)TT.71/140( 46)

Tarikh : 14 Mei 2010

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan**

Tuan,

**LARANGAN PEGAWAI AWAM MEMBUAT PERNYATAAN AWAM**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Kerajaan memandang serius terhadap sebarang bentuk pernyataan awam yang dibuat oleh pegawai awam sehingga boleh menimbulkan persepsi negatif kepada Kerajaan. Keadaan ini boleh menjejaskan imej Kerajaan serta hasrat untuk menjayakan Gagasan 1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

3. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, di bawah Peraturan 19(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, pegawai awam tidak boleh, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memberi implikasi berikut:

- a. memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;
- b. memalukan atau memburukkan nama Kerajaan; atau
- c. menunjukkan kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan.

4. Manakala di bawah Peraturan 19(2), Peraturan yang sama, seseorang pegawai awam tidak boleh membuat pernyataan awam mengenai perkara-perkara berikut:

- a) membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan;
- b) memberi apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan perjalanan fungsi Kerajaan; atau
- c) memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan.


melainkan telah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Menteri sama ada secara am atau khusus.

5. Oleh itu, pihak tuan hendaklah mengambil maklum dan memantau perkara ini serta seterusnya mengingatkan semua pegawai di Kementerian/Jabatan supaya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan lebih berhati-hati dalam membuat sebarang pernyataan awam agar ia tidak menjejaskan imej perkhidmatan, organisasi dan Kerajaan. Sekiranya terdapat mana-mana pegawai yang mengingkari arahan ini, tindakan tatatertib hendaklah dikenakan ke atas mereka berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

6. Di atas kerjasama tuan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ISMAIL ADAM)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

Sk:

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun  
Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan